

3755/2

Perdagangan

Kertas 2

September

2011

2 jam

**JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK****PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
NEGERI PERAK TAHUN 2011****PERDAGANGAN**

Kertas 2

Dua Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A**, dan **satu** soalan wajib di **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*
4. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian A** dan 40 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian B**.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

BAHAGIAN A

Jawab mana-mana tiga soalan.

- 1 (a) Rajah 1 berikut merupakan model Hierarki Keperluan Maslow.



- (i) Apakah keperluan X dan Y? [2 markah]
- (ii) Huraikan keperluan X tersebut. [3 markah]
- (b) Perbualan berikut adalah di antara Encik Tan dengan seorang pegawai Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI), Encik Azizul.

Encik Tan	: Saya ada tujuh hektar tanah dan ingin menanam sayur-sayuran.
Encik Azizul	: Baguslah tu. Kamu boleh mengusahakan tanah itu secara pengeluaran langsung atau pengeluaran tak langsung.
Encik Tan	: Kalau macam tu, saya pilih pengeluaran tak langsung.

- Mengapakah Encik Tan membuat keputusan tersebut? [5 markah]
- (c) Terangkan tiga kelebihan pengkhususan dalam pengeluaran. [6 markah]
- (d) Huraikan tiga bantuan perniagaan yang diperlukan oleh pengusaha kedai emas untuk melancarkan aktiviti perniagaannya. [9 markah]

- 3 (a) Gambar 1 menunjukkan Encik Razak Man mempromosikan keluaran syarikatnya di satu ekspo perdagangan.



- (i) Nyatakan jenis perniagaan tersebut. [1 markah]
- (ii) Terangkan **tiga** kepentingan perniagaan di (a) (i) kepada Malaysia. [6 markah]
- (b) Situasi berikut berkaitan dengan Encik Tajuddin, seorang pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Encik Tajuddin telah mengusahakan tanaman buah naga di tanah seluas satu hektar. Hasil tanaman tersebut telah diproses menjadi jus dan jem dengan hanya menggunakan peralatan ringkas di sebuah bangsal yang dijadikan kilang di belakang rumahnya. Kepakaran yang terhad dalam bidang pengurusan dan pekerja yang kurang pengalaman menyebabkan beliau tidak dapat memenuhi permintaan pasaran yang semakin meningkat.

- (i) Nyatakan masalah-masalah yang dihadapi oleh Encik Tajuddin. [3 markah]
- (ii) Bagaimanakah agensi kerajaan dapat membantu Encik Tajuddin mengatasi masalah di (b) (i). [3 markah]
- (c) Situasi berikut berkaitan dengan jenis milikan perniagaan.

Encik Kamal dan Encik Abbas mendapati perniagaan yang dijalankan secara bersama sejak 10 tahun lalu masih tidak dapat berkembang maju kerana masalah kekurangan modal. Encik Kamal mencadangkan milikan perniagaan mereka ditukar agar dapat mengundang lebih ramai pemegang syer. Walau bagaimanapun beliau mahu kedudukan kewangan dirahsiakan daripada pengetahuan orang ramai.

- (i) Apakah jenis milikan perniagaan baru yang dicadangkan oleh Encik Kamal? [1 markah]
- (ii) Terangkan tiga kelebihan yang boleh diperolehi daripada pertukaran jenis milikan perniagaan sedia ada kepada (c)(i). [6 markah]

(d) Dialog berikut antara Puan Zaiton dan Puan Hana.

Puan Zaiton : Apa awak nak buat dengan wang ganjaran yang akan kita peroleh bila kita bersara nanti?
 Puan Hana : Yalah...banyak juga ye? Hampir RM150,000.
 Saya fikir nak simpan aje dalam akaun simpanan tetap. Awak macamana pula?
 Puan Zaiton : Saya bercadang nak melabur dalam Amanah Saham Bumiputera.
 Puan Hana : Bijak...Bijak...

Mengapakah Puan Hana memilih jenis pelaburan tersebut?

[5 markah]

4 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis bank.

- Dimiliki oleh kerajaan
- Mengawal pelaksanaan dasar dan peraturan kewangan

(i) Namakan jenis bank tersebut.

[1 markah]

(ii) Terangkan **dua** fungsi bank tersebut.

[4 markah]

(b) Rajah 2 berkaitan sekeping cek yang diterima oleh Encik Yusuff pada 1 Mac 2011.

<p>MC BANK BERHAD Taiping, Perak</p>			
		<p>Tarikh: 31 Mac 2011 Atau Pembawa</p>	
<p>Bayar: Encik Yusuff Ringgit: Lima Ribu Sahaja</p>		<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; display: inline-block;"> <p>RM5,000.00</p> </div>	
<p><i>Zainon Bee</i></p>			
<p>778745 99 00 12876548 0000</p>			

Rajah 2

(i) Namakan jenis cek tersebut.

[1 markah]

(ii) Mengapakah bank tidak dapat membuat pembayaran kepada Encik Yusuff pada tarikh penerimaan.


[3 markah]

- (c) (i) Terangkan **dua** prinsip insurans. [4 markah]
 (ii) Pernyataan berikut berkaitan Encik Rama.

Encik Rama ingin menginsuranskan kedai jiran yang bersebelahan dengan kedainya daripada risiko kebakaran tetapi telah ditolak oleh syarikat insurans.

Mengapakah syarikat insurans menolak permohonan Encik Rama? [4 markah]

- (d) Rajah 3 menunjukkan jenis-jenis kapal.



Rajah 3

- (i) Namakan jenis kapal X? [1 markah]
 (ii) Jelaskan ciri-ciri jenis kapal di (d)(i) [4 markah]
 (e) Mengapakah pengangkutan udara mahal berbanding pengangkutan lain? [3 markah]

- 5 (a) Rajah 4 menunjukkan satu jenis perkhidmatan telekomunikasi.



Rajah 4

- (i) Terangkan perkhidmatan X dan Y dalam Rajah 4. [4 markah]
 (ii) Nyatakan **empat** peranan komunikasi dalam bidang perniagaan. [4 markah]
 (b) (i) Terangkan **tiga** fungsi pergudangan kepada peniaga. [6 markah]
 (ii) Nyatakan **dua** perbezaan antara gudang kerajaan dengan gudang pemborong [4 markah]
 (c) Terangkan **dua** agensi kerajaan yang membantu untuk memajukan sektor perniagaan dalam bidang berikut:
 (i) infrastruktur dan ruangniaga [4 markah]
 (ii) pemasaran dan promosi [3 markah]

Bahagian B

[25 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

- 6 Pasar raya FAZA yang terletak di Bandaraya Ipoh, Perak, telah mula beroperasi sejak 10 tahun yang lalu. Pasar raya tersebut mempunyai 50 orang pekerja sepenuh masa yang bertugas di pelbagai jabatan. Perniagaan ini menjual pelbagai jenis barang keperluan harian. Bekalan stok diperoleh secara pukal daripada kilang-kilang berdekatan. Barang-barang diangkut dari kilang ke gudangnya sendiri dengan menggunakan dua buah lori kepunyaan perniagaan.

Perniagaan beroperasi mulai jam 9.00 pagi hingga 11.00 malam setiap hari termasuk pada cuti umum. Semenjak beroperasi, telah dua kali berlaku kejadian rompakan. Hal ini telah mengakibatkan kerugian besar kepada pihak pengurusan. Pihak pengurusan juga risau sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini kepada pelanggan yang datang membeli belah. Sebagai langkah keselamatan, pihak pengurusan telah mengupah pengawal keselamatan dan memasang beberapa buah kamera litar tertutup (CCTV) di beberapa lokasi strategik.

Selepas memperoleh keuntungan yang lumayan dari tahun ke tahun, pihak pengurusan bercadang membuka sebuah lagi cawangan Pasar raya FAZA di Teluk Intan. Cawangan tersebut dijangka mula beroperasi pada bulan Oktober 2011. Kini pihak pengurusan bercadang mengadakan promosi untuk menarik pelanggan sekitar Teluk Intan supaya datang ke majlis pembukaan rasmi pasar raya tersebut.

Sebagai menyahut kempen anjuran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, pihak pengurusan tidak membenarkan lagi penggunaan beg plastik pada setiap hari Sabtu. Hal ini diharap dapat mengurangkan pencemaran dan seterusnya menjadikan alam sekitar lebih bersih dan selamat.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan-soalan berikut :

- (a) (i) Nyatakan jenis perniagaan runcit yang dijalankan oleh Pasar raya FAZA. [1 markah]
- (ii) Jelaskan ciri-ciri perniagaan runcit di a (i). [4 markah]
- (b) Bagi mengatasi masalah kehilangan stok dan keselamatan pelanggan, cadangkan dua jenis insurans yang perlu diambil oleh Pasar raya FAZA. [6 markah]

- (c) Bagi majlis perasmian cawangan baru Pasar raya FAZA;
- (i) Huraikan **dua** jenis media pengiklanan yang sesuai digunakan. [6 *markah*]
 - (ii) Nyatakan **dua** kesan sekiranya Pasar raya FAZA tidak menjalankan promosi. [2 *markah*]
- (d) (i) Terangkan tanggungjawab terhadap masyarakat yang telah dijalankan oleh Pasar raya FAZA [2 *markah*]
- (ii) Selain tanggungjawab di d(i), terangkan **dua** tanggungjawab lain yang perlu dilaksanakan oleh Pasar raya FAZA. [4 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT